

FGV R&D hasil ejen kawalan ganoderma serang pokok sawit

FELDA Global Ventures R&D Sdn Bhd (FGV R&D) menjangka dapat menghasilkan ejen biokawalan dan biobaja yang berpotensi dikomersialkan dalam tempoh dua tahun.

Ketua Kluster FGV R&D, Syed Salim Syed Ali berkata, pihaknya bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Biologi Sistem (INBIOSIS) untuk menjalankan kajian dan pembangunan dalam tempoh dua tahun mulai tahun ini.

“Kami melabur RM150,000 bagi tujuan ini supaya boleh dimanfaatkan kedua-dua pihak.

“Usaha ini dikategorikan sebagai kajian berfokus dengan tumpuan diberikan kepada industri kelapa sawit,” katanya selepas majlis memeterai perjanjian antara FGV R&D dan INBIOSIS UKM di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UKM, Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali.

Menurutnya, masalah ganoderma yang dikatakan sebagai penyakit untuk pokok kelapa sawit boleh dianggap serius yang menjejaskan kualiti buah sawit.

“Masalah ganoderma menjejaskan dua hingga empat peratus daripada jumlah tanaman kelapa sawit di seluruh negara,” katanya.

DR Noor Azlan (kiri) bertukar dokumen perjanjian kerjasama dengan Syed Salim.

